



Semua Pelajar
Program Prasiswazah
Pusat Pembentukan Pendidikan Lanjutan & Profesional
Universiti Kebangsaan Malaysia.


Saudara/i,

MAKLUMAT PENTING PENDAFTARAN SEMESTER 1 SESI AKADEMIK 2024-2025

Merujuk kepada perkara di atas, adalah dimaklumkan bahawa perkuliahan Semester 1 Sesi Akademik 2024-2025 akan **bermula pada 14 Oktober 2024**.

2. Sehubungan dengan itu, disenaraikan perkara penting untuk perhatian dan tindakan pelajar seperti berikut:

| PERKARA | BUTIRAN |
|--|--|
| PENDAFTARAN KURSUS SEMESTER 1 SESI AKADEMIK 2024-2025 | Pelajar yang telah membuat pendaftaran awal boleh menyemak kursus yang telah didaftarkan di SMPE. Manakala bagi pelajar yang tidak membuat pendaftaran awal, boleh mendaftar kursus dalam tempoh tambah kursus bermula 14 Oktober 2024 . Sila rujuk tarikh-tarikh penting di web UKMShape sebagai panduan. |
| CAJ LEWAT MENDAFTAR | Bagi pelajar yang masih tidak membuat pendaftaran selepas tempoh tambah kursus tamat akan dikenakan caj sebanyak RM50 seperti yang terdapat di dalam Peraturan Am Kewangan UKMShape. |
| DIBERHENTIKAN SEBAB TIDAK MENDAFTAR | Pelajar akan diberikan status "DIBERHENTIKAN SEBAB TIDAK MENDAFTAR" jika tidak membuat pendaftaran sehingga selewat-lewatnya pada 10 November 2024 |



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 01100

Pusat Pembentukan Pendidikan Lanjutan & Profesional


Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-89272111/2114 E-mel: upprpshape@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/ukmshape

ILMU, MUTU DAN BUDI



PUSAT PEMBENTUKAN PENDIDIKAN LANJUTAN & PROFESIONAL
CENTRE FOR SHAPING ADVANCED AND PROFESSIONAL EDUCATION

| | |
|---|--|
| JADUAL PERKULIAHAN | Jadual perkuliahan akan dipaparkan di laman web UKMShape selewat-lewatnya seminggu sebelum sesi perkuliahan bermula . Pelajar juga dinasihatkan sentiasa menyemak jadual kuliah untuk makluman terkini. |
| PEMBAYARAN YURAN | <p>Pelajar hendaklah menjelaskan SEMUA YURAN TERTUNGGAK DAN SEMASA. Pembayaran yuran semester semasa hendaklah dilakukan sekurang-kurangnya 40% daripada yuran semester semasa sebelum atau pada 29 September 2024. Pelajar yang mempunyai hutang tertunggak tidak akan dibenarkan untuk mendaftar.</p> <p>Pelajar yang mempunyai penaja, mohon serahkan surat kelulusan tajaan kepada Bahagian Kewangan UKMShape jika belum berbuat demikian.</p> <p>Semakan status kewangan pelajar boleh disemak di laman web portal kewangan UKM di https://ekewangan.ukm.my</p> |
| EDARAN BAHAN BACAAN/MODUL SEMESTER 1 SESI AKADEMIK 2024-2025 (PROGRAM PBJJ DAN EKSEKUTIF BERKENAAN SAHAJA) | <p>Edaran bahan bacaan/modul Semester 1 Sesi Akademik 2024-2025 bermula pada 12 Oktober 2024.</p> <p>Edaran bahan bacaan adalah merujuk kepada Peraturan Am Kewangan Pelajar iaitu hanya pelajar yang telah menyelesaikan bayaran yuran akan diberi bekalan bahan bacaan dan buku.</p> <p>PERINGATAN :</p> <ul style="list-style-type: none">• PELAJAR PERLU MENCETAK SLIP PENDAFTARAN KURSUS DI SMPE DAN• MEMBAWA SLIP TERSEBUT BAGI TUJUAN PENGAMBILAN BAHAN BACAAN/MODUL.• PELAJAR PERLU MEMASTIKAN HANYA KURSUS YANG HENDAK DIAMBIL SAHAJA YANG DIDAFTARKAN DI SMPE. INI ADALAH KERANA CAJ AKAN |



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 01100

Pusat Pembentukan Pendidikan Lanjutan & Profesional

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-89272111/2114 E-mel: upprpshape@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/ukmshape

ILMU, MUTU DAN BUDI



PUSAT PEMBENTUKAN PENDIDIKAN LANJUTAN & PROFESIONAL
CENTRE FOR SHAPING ADVANCED AND PROFESSIONAL EDUCATION

| | |
|--------------------------------|---|
| | DIKENAKAN KEPADA PELAJAR YANG GUGUR/TARIK DIRI KURSUS SEPERTI YANG TERDAPAT DI DALAM PERATURAN AM KEWANGAN PELAJAR UKMSHAPE. |
| BIODATA PELAJAR DI SMPE | Pelajar adalah bertanggungjawab untuk mengemaskini maklumat pelajar di SMPE pada setiap semester sekiranya terdapat perubahan. |

3. Sila abaikan maklumat ini jika saudara/i telah menamatkan pengajian pada Semester 2 Sesi Akademik 2023-2024.

Sekian, untuk maklumat dan perhatian saudara/i. Terima kasih.

Yang benar,

PROF MADYA DR FARIZA BINTI KHALID

Timbalan Pengarah I (Akademik dan Pengembangan Program)

- s.k. - Penyelaras Program
- Ketua Bahagian Pentadbiran, UKMShape
- Ketua Unit Pengurusan Program & Rekod Pelajar, UKMShape
- Bahagian Kewangan, UKMShape
- Penyelia Pusat Kuliah



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 01100

Pusat Pembentukan Pendidikan Lanjutan & Profesional

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-89272111/2114 E-mel: upprpshape@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/ukmshape

ILMU, MUTU DAN BUDI